

YAYASAN SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH



يَارِبِّ سُلْطَانٍ  
جَنَاحَ حَسَنَةَ الْبَلْقِيَّةِ

Rujukan: YSHHB/001/48 Pt.76

29 Ramadhan 1444H

20 April 2023M

Yang Mulia  
Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Jalan Dewan Majlis, Berakas BB3910  
Negara Brunei Darussalam

[ UP : PENGARAH PENTADBIRAN KEMENTERIAN HAL EHVAL UGAMA ]

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan Haji,

Dengan penuh hormat saya bagi pihak Pengurus dan semua Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah [YSHHB] mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan bantuan yang telah pihak Tuan Haji serta pegawai-pegawai dan kakitangan Tuan Haji berikan semasa mengendalikan pengurusan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadhan 1444H / 2023M yang mana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala telah pun sempurna dilaksanakan.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan menerima sumbangan bakti berkenaan sebagai amal kebajikan jua dan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mencucuri rahmatNya kepada Tuan Haji serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

والسلام

Dengan hormat

Dr. Nor Imtihan Binti Haji Abdul Razak

Pemangku Pengaruh

[ DR. NOR IMTIHAN BINTI HAJI ABDUL RAZAK ]

